

Jendela

BULETIN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN USM

Bil. 2, Ogos 1993 ✓

Sekapur Sirih

Salam Hormat,

Bulan Julai telah berlalu. Kita mengalu-alukan kedatangan pelajar baru dengan program Orientasi yang disediakan. Mereka adalah produk yang akan kita hasilkan. Tanpa mereka kita tiada di sini. Kini September menjelang tiba. Kita menyambut Majlis Konvokesyen sekali lagi. Itulah hasil yang dikeluarkan oleh USM. Kita sebahagian dari tenaga USM turut merasa bangga dan megah kerana terlibat mengeluarkan para graduan yang berjaya.

Dalam pada itu kita dikejutkan dengan persoalan budaya lepak. Pemuda yang akan menjadi pengganti tenaga tua, pemimpin bangsa dan negara telah jatuh ke lumpur sindrom budaya lepak. Jika ini berterusan, pemuda kita ibarat daun kuncup yang berguguran sebelum mekar menyebarkan wangi-wangian. Demikian pentingnya pemuda yang akan mempertahankan kelanjutan generasi akan datang. Kita sebagai kakitangan Perpustakaan harus peka dan turut merasa cemas dengan keadaan sekeliling di samping menangani masalah ini bersama.

Rencana

UNTUK RENUNGAN

oleh Noorazilan Noordin

Saban hari kita dihidangkan oleh media elektronik dan media cetak tentang keruntuhan akhlak dalam kalangan remaja yang semakin serius. Mengapa masalah seperti ini masih berlaku kepada remaja kita sedangkan negara kita telah Merdeka hampir 36 tahun.

Negara kita telah diiktirafkan dan disanjung serta dihormati kerana adat ketimuran kita yang kaya dengan sifat sopan santunnya tetapi apa yang terjadi adalah sebaliknya.

Keruntuhan akhlak ini berpunca daripada berbagai-bagai sebab, antaranya sikap ibu bapa itu sendiri yang kurang memberi didikan agama kepada anak-anak mereka. Agama sangat penting kerana ia dapat membantu membersihkan jiwa anak-anak. Ada juga ibu bapa yang lebih mementingkan kebendaan dan kekayaan hingga sanggup bekerja siang dan malam hingga mereka alpa kepada anak-anak akibatnya anak-anak kehausan kasih sayang.

Begitu juga kadang-kadang terdapat ibu bapa yang memberikan contoh kelakuan yang tidak baik di hadapan anak-anak dan ini telah menanamkan sikap yang kurang baik kepada anak-anak tersebut.

Perceraian juga boleh menyebabkan anak-anak terluar tanpa mendapat perhatian. Ibu bapa akan memilih jalan masing-masing dan tinggallah anak-anak kesunyian tanpa belaian dari orang yang dikasihi.

Ada juga ibu bapa yang memberikan kasih sayang yang berbeza-beza kepada anak-anak. Ini boleh menyebabkan anak-anak merasa diri mereka tidak dipedulikan.

Kandungan

Rencana	1
Laporan	3
Berita ASTAKA	6
Hal-Ehwal Kakitangan	7
Personaliti	7
Sumber Ilham	9
Coretan Penerbit	9

Ilmu yang sempurna akan menjadikan amalan yang sempurna. Amalan yang sempurna akan menelurkan hasil yang sempurna.

Sebenarnya anak-anak mula mempelajari sesuatu perkara bukanlah semasa mereka berada di rumah atau di sekolah tetapi ketika mereka masih di dalam kandungan ibu lagi. Tabiat dan kelakuan ibu yang mengandung sudah dapat mempengaruhi anak yang dikandung hinggalah anak itu dilahirkan.

Bagi kaum remaja pula pergaulan mereka yang terlalu bebas seolah-olah tidak mempunyai perasaan segan atau takut kepada orang tua. Lelaki dan perempuan bebas bergaul tanpa batas kononnya mengikut cara barat, tanpa disedari pergaulan bebas mereka itu akan mengakibatkan anak-anak di luar nikah yang tidak berdosa. Siapakah yang harus dipersalahkan? Hanya pembaca yang dapat menjawabnya.

Akibat sebab-sebab inilah remaja kita akan terjerumus kelembah maksiat, judi, dadah, jenayah dan lain-lain lagi.

Untuk mengatasi masalah ini, ibu bapa wajiblah membanyakkan masa untuk anak-anak dengan memberi kasih sayang yang secukupnya. Jadikanlah rumah sebagai syurga yang dapat hidup dalam keadaan aman dan harmoni. Bantulah anak-anak sekiranya mereka dalam kesusahan, berilah idea atau nasihat yang menggembirakan supaya dapat menyelesaikan masalah mereka.

Sidang Pengarang

Mohd. Fehis Hj. Ali (Ketua pengarang)

Adnan Sharif

Fauziah Darwood

Noorakilan Noordin

Norma Bahri

Lim Chee Hong (Penasihat)

Penghargaan kepada:

Rosni Habib (Pembantu khas)

S. Kirubananthan

Yeoh Hoong Kheng

Katherine Hui

Shida Ali

UNTUK EDARAN KAKITANGAN PERPUSTAKAAN
UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Janganlah kerana kesalahan kecil mereka dipukul dan dimaki hamun. Perasaan mereka harus dijaga, jika tidak akibat dari perbuatan memukul ini boleh menyebabkan anak-anak lari dari rumah.

Wahai ibu bapa dan mereka yang bakal menjadi ibu bapa. Sanggupkah kita melihat anak-anak kita menjadi anak-anak yang tidak bermoral? Ingatlah bahawa anak-anak adalah anugerah dan amanah daripada Tuhan. Oleh itu janganlah dipersiapkan. Marilah kita sama-sama mengambil iktibar dan berusaha agar anak-anak dapat menjadi orang yang berguna kepada bangsa dan negara. Melentur buluh dari rebungnya haruslah dijadikan amalan.

Sekiranya masalah ini dapat dibendung, wawasan 2020 yang diilhamkan oleh Perdana Menteri kita akan menjadi kenyataan. Demi untuk menjayakannya, semua lapisan masyarakat hendaklah sama-sama memainkan peranan tetapi harus diingat golongan remajalah yang mesti berusaha untuk mencapai matlamat wawasan tersebut.

BAGAIMANA UNTUK BERJAYA

1. Tentukan apa yang anda inginkan dalam hidup. Buatlah satu senarai dan baca setiap hari keinginan anda itu.
2. Tentukan siapakah diri anda yang ingin anda bentuk. Senaraikan setiap personaliti yang ingin anda pupuk. Semua ini boleh berhasil jika anda mempunyai kekuatan mental yang kukuh.
3. Tentukan matlamat dalam jangka pendek dan jangka panjang untuk mencapai maksud, kehendak yang ditetapkan.
4. Buatlah rancangan untuk mencapai matlamat itu.
5. Bahagikan rancangan dan matlamat anda supaya anda boleh mencapainya sedikit demi sedikit setiap hari.
6. Belajarlah untuk berfikir dan merancang masa anda dengan bijaksana dan berfaedah. Rancangan ini hendaklah diseranarikan satu persatu.
7. Berusahalah bersungguh-sungguh untuk mencapai matlamat anda itu, semoga anda berjaya.

Laporan

(Laporan ini meliputi aktiviti-aktiviti di Perpustakaan dan Seminar/Kursus/Bengkel, dan lain-lain yang dihadiri oleh kakitangan.)

KURSUS KETRAMPILAN KOMPUTER

Nik Asmak Nik Idris dan Noor Adlina Kasim dari Perpustakaan Perubatan telah mengikuti Kursus Ketrampilan Menggunakan Komputer di Makmal CAI, Pusat Pengajian Sains Perubatan, Kelantan pada 10-12 April 1993.

KURSUS FASILITATOR KMK WILAYAH TIMUR

Engku Razifah Engku Chik dan Mohd Suhaimi Shahidin dari Perpustakaan Perubatan telah mengikuti Kursus Fasilitator KMK anjuran INTAN Wilayah Timur dan Jabatan Pendaftar, Universiti Sains Malaysia, Kampus Cawangan Kelantan pada 24-27 April 1993.

CONSAL IX

Encik Lim Chee Hong, Rashidah Begum Fazal Mohamed, Yeoh Hoong Kheng, Noor Ida Yang Rashdi dan Nik Asmak Nik Idris telah menghadiri CONSAL IX bertema *Future Dimensions and Library Development* pada 2-7 Mei 1993 di Bangkok, Thailand. Fawzia Dawood turut hadir untuk mempertunjukkan pangkalan data CD-ROM FSTA yang dikeluarkan oleh IFIS, negara Jerman.

KURSUS PENGENALAN KOMPUTER & DOS ASAS

Noorazilan Noordin dan Katherine Har Poh Goot telah mengikuti *Kursus Pengenalan Komputer dan DOS Asas* pada 10-11 Mei 1993 di Biro COMBITS.

WORKSHOP

Rugayah Ali dari Perpustakaan Perubatan telah mengikuti workshop bertajuk *The Advancement of Librarianship: Workshop to Identify and Assess Needs in Southeast Asia and to Formulate project proposals*, anjuran Thammasat University dan IFLA pada 10-12 Mei 1993 di Bangkok.

KURSUS KMK

Seramai 17 orang kakitangan Perpustakaan telah mengikuti Kursus Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja yang dikendalikan oleh Encik Husin Yahaya,

Unit Latihan, Jabatan Pendaftar pada 14-15 Mei 1993 di Perpustakaan USM.

KURSUS PENYELIAAN LANJUTAN

Muniandy Ramayah dan Mohd Arop Hj. Senawi telah menghadiri Kursus Penyeliaan Lanjutan yang dianjurkan oleh Unit Latihan, Jabatan Pendaftar pada 17-19 Mei 1993.

KURSUS PERKHIDMATAN KAUNTER BERKESAN

Bahagian Latihan, Projek & Penyelidikan telah menganjurkan satu Kursus Perkhidmatan Kaunter Berkesan di Perpustakaan USM Induk pada 26 Mei 1993. Objektif Kursus tersebut ialah untuk:

- Meningkatkan kefahaman tentang proses komunikasi interpersonal.
- Menekankan kepentingan mengadakan perhubungan awam yang baik.
- Meningkatkan kemampuan memberi perkhidmatan kaunter yang berkesan kepada para pengguna Perpustakaan.

Seramai 33 peserta yang terdiri daripada kakitangan iktisas dan kakitangan sokongan menghadiri Kursus tersebut. Ini termasuk seorang kakitangan dari Perpustakaan Perubatan dan dua orang kakitangan dari Perpustakaan Kampus Cawangan Perak. Fasilitator untuk kursus tersebut ialah Puan Che Sieh Ramli, Pensyarah dari Kampus Wilayah Utara, INTAN dan Dr. Syed Azizi Wafa, Timbalan Dekan, Pusat Pengajian Pengurusan.



KAJIAN SISTEM BERSEPADU PERPUSTAKAAN

Noor Ida Yang Rashdi dan Abdul Rashid Baba telah mengadakan lawatan tinjauan ke Kuala Lumpur dari

16-19 Mei 1993 bagi mengkaji beberapa sistem bersepadu Perpustakaan yang terdapat di sana.

Antara sistem yang dilihat ialah Oracle Libraries System, Virginia Technical Library System (VTLS) yang digunakan di Perpustakaan Negara Malaysia dan Perpustakaan Universiti Pertanian Malaysia, ATLAS (*A Total Library Automation System*) di Perpustakaan Universiti Malaya, LOIS (*Library Online Information System*) yang sedang dipasang di Perpustakaan PORIM dan Dewan Bahasa & Pustaka.

KURSUS INDUKSI

Siti Roudhah Mohammad Saad dan Mohd Nasir Hj. Mohd Rashid telah menghadiri Kursus Induksi Khusus dan Umum bagi Kumpulan I (Kumpulan Pengurusan & Profesional) serta Kumpulan Sokongan gred 5, 6 dan gred-gred yang setaraf dengan Kumpulan B pada 7-30 Jun 1993.

Siti Fatimah Hashim telah mengendalikan Kursus Induksi pada 17 Jun 1993 untuk 10 orang kakitangan pada 22 Jun 1993 untuk seorang kakitangan luar Perpustakaan dan pada 16 Julai 1993 untuk seorang Pembantu Makmal.

KURSUS LATIHAN PERISIAN CDS/ISIS

Pihak Perpustakaan telah menganjurkan satu Kursus Latihan Perisian CDS/ISIS yang dikendalikan oleh Encik Lim Chee Hong, Ketua Pustakawan, di Makmal Multi Max, Pusat Pengajian Sains Matematik dan Sains Komputer pada 7-12 Jun 1993. Peserta-peserta yang terdiri daripada kakitangan ikhtisas Perpustakaan serta dua orang Penolong Pendaftar. Mereka ialah Fawzia Dawood, Siti Fatimah Hashim, Masrah Hj. Abidin, Wong Sook Jean, Tang Wan Fong, Foyziah Ahmad Nasruddin, Ruslan Che Pee, Nik Asmak Nik Idris, Mohd Yusoff Hj. Abdullah (Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan) dan Zainab Othman (Pusat Pengajian Kejuruteraan Elektrik dan Elektronik).

LATIHAN AMALI PELAJAR KAJIAN SAINS PERPUSTAKAAN & MAKLUMAT ITM

Dua orang pelajar Kajian Sains Perpustakaan & Maklumat, Institut Teknologi MARA telah menjalankan latihan amali di Perpustakaan USM, Pulau Pinang bermula 7 Jun-28 Ogos 1993. Mereka ialah Cik Ruslina Abdul Majid dan Cik Fatimahtun Zaharah Ramli.

KURSUS ASAS MACINTOSH

Bahagian Latihan, Projek & Penyelidikan telah menganjurkan satu Kursus Asas Macintosh pada 8-11 Jun 1993 untuk empat orang kakitangan Perpustakaan. Fasilitator ialah Rosni Habib dari Penerbit USM. Peserta-peserta terdiri dari Wong Peng Kit, Kulsoom Che Din, Mariah Yusof dan Che Om Mohd Noor.

KURSUS WORD PERFECT

Katherine Har Poh Goot telah menghadiri Kursus Word Perfect (DOS) pada 7-9 Jun 1993 di Biro COMBITS.

LAWATAN DARI PEGAWAI KEMENTERIAN KERJA AWAM, INDONESIA

Seramai 16 orang pegawai dari Kementerian Kerja Awam, Indonesia telah membuat lawatan ke Perpustakaan USM, Pulau Pinang pada 12 Jun 1993.

KURSUS DBASE IV

Muniandy Ramayah dan Abdul Basher Abdullah telah menghadiri Kursus dBase IV (Asas) pada 14-17 Jun 1993 di Biro COMBITS.

LAWATAN DARI KAKITANGAN TAMAN TEKNOLOGI MALAYSIA

Sekumpulan pegawai Taman Teknologi Malaysia telah melawat Perpustakaan Cawangan Perak pada 15 Jun 1993 dan Perpustakaan Induk di Pulau Pinang pada 18 Jun 1993.

CERAMAH ILANET

Puan Wendy Chester, Perunding Kanan dari Perpustakaan Negeri New South Wales, Sydney telah memberi ceramah tentang Pinjaman Antara Perpustakaan dan ILANET di Australia di Perpustakaan USM pada 17 Jun 1993.

CERAMAH REFLEXOLOGY

Seramai enam orang pegawai telah menghadiri ceramah mengenai *Reflexology* yang dianjurkan oleh Unit Latihan, Jabatan Pendaftar pada 18 Jun 1993. Ceramah telah disampaikan oleh Encik Eddie Yeoh, seorang pakar dalam bidang ini.



KURSUS LOTUS 1-2-3

Yeoh Teik Guan telah menghadiri Kursus LOTUS 1-2-3 (Asas) pada 28-30 Jun 1993 di Biro COMBITS. Cheah Teng Boon pula telah mengikuti Kursus yang sama pada 10-12 Ogos 1993.

KURSUS PERKHIDMATAN KAUNTER BERKUALITI

Abdul Basher Abdullah telah menghadiri Kursus Perkhidmatan Kaunter Berkualiti pada 28 - 30 Jun 1993 di INTAN, Sungai Petani, Kedah.

BENGGEL REKA BENTUK DAN PENERBITAN PERSEMBAHAN MEDIA (OHT)

Bahagian Latihan, Projek & Penyelidikan telah menganjurkan satu Bengkel Reka Bentuk dan Penerbitan Persembahan Media OHT pada 28 Jun 1993. Seramai 25 peserta yang terdiri daripada kakitangan ikhtisas Perpustakaan, ahli-ahli KMK serta ahli-ahli Kumpulan Pustakawan Pulau Pinang telah menghadiri Bengkel tersebut. Bengkel tersebut telah dikendalikan oleh Encik Toh Seong Chong, Pensyarah dari Pusat Teknologi Pendidikan dan Media.

LAWATAN KETUA PUSAT PENYERAHAN NEGARA

Puan Zainab Ibrahim dari Perpustakaan Negara telah melawat Perpustakaan USM, Pulau Pinang pada 2 Julai 1993. Selaku Ketua Pusat Penyerahan Negara, beliau melawat Bahagian Malaysiana dan Arkib yang menjadi Pusat Penyimpanan Luar, Perpustakaan Negara Malaysia.

Everyman who knows how to read has it in his power to magnify himself, to multiply the ways in which he exists, to make his life full, significant and interesting.
Holbrook Johnson

KURSUS MICROSOFT WINDOWS

Mary Vergis dan Fawzia Dawood telah menghadiri Kursus Microsoft WINDOWS 3.1 pada 5 Julai 1993 di Biro COMBITS.

KURSUS MICROSOFT EXCEL

Abdul Rashid Baba telah menghadiri Kursus Microsoft Excel pada 6-8 Julai di Biro COMBITS.

KURSUS PENYELIAAN BERKESAN

Iskandar Zakaria dan Zamzami Rasidi dari Perpustakaan Perubatan telah mengikuti Kursus Penyeliaan Berkesan di Jabatan Pendaftar, USM, Kampus Cawangan Kelantan pada 17-19 Julai 1993.

LAWATAN FELLOW "ASSOCIATION OF COMMONWEALTH UNIVERSITIES"

Puan Audrey Chambers yang bertugas di Institute of Social and Administrative Studies, University of South Pacific, Suva, Fiji telah melawat sambil belajar di Perpustakaan USM dari 19-21 Julai 1993.

FELLOWSHIP WHO

Sofiah Hashim dari Perpustakaan Perubatan telah mengikuti Fellowship WHO ke Korea Selatan pada 19-31 Julai 1993.

RANCANGAN LATIHAN PEMBANTU TADBIR

Azizan Mohd Zain dan Ariffin Aziz telah mengikuti Rancangan Latihan untuk Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) baru pada 19 Julai-4 Ogos 1993 (petang sahaja).

CERAMAH KAUNSELING DALAM PENGURUSAN ORGANISASI

Seramai 6 orang Pegawai Perpustakaan telah menghadiri Ceramah mengenai Kaunseling dalam Pengurusan Organisasi yang disampaikan oleh Y. Bhg. Dato Prof. Dr. Amir Awang di Bilik Persidangan Universiti pada 26 Julai 1993.

KURSUS WORDSTAR

Tunku Nuzian Aza Tunku Fathahi telah mengikuti Kursus Wordstar 7.0 pada 2-4 Ogos 1993 di Biro COMBITS.

LAWATAN KE UUM MENINJAU SISTEM SISPUKOM


Rashidah Begum Fazal Mohamad, Noor Ida Yang Rashdi, Abdul Rashid Baba dan Abdul Akla Wan Ismail telah melawat Perpustakaan UUM, Sintok pada 4 Ogos 1993. Tujuan lawatan ialah untuk meninjau sistem berkomputer Perpustakaan UUM, iaitu SISPUKOM. Selain dari mengkaji aspek penyelenggaraan sistem dan perkakasan, lawatan juga dibuat ke Bahagian-bahagian Perpustakaan untuk melihat perjalanan modul-modul seperti OPAC, Sirkulasi, Perolehan dan sebagainya.

CERAMAH AUSTRALIAN UNIVERSITY LIBRARIES & AARNET

Ceramah Australian University Libraries and AARNET (Australian Academic and Research Network) telah disampaikan oleh Encik Edward Lim Huck Tee (Ketua Pustakawan, Monash University, Australia) pada 9 Ogos 1993. Kakitangan ikhtisas Perpustakaan dan beberapa orang pustakawan dari Universiti Utara Malaysia juga hadir pada ceramah tersebut anjuran Persatuan Perpustakaan Malaysia.

PERSEMBAHAN PROJEK KMK

Persembahan Projek Kumpulan MENARA yang bertajuk Kesukaran Mengesan Bahan-Bahan di Koleksi Bahasa Malaysia telah berlangsung pada 14 Ogos 1993. Semua kakitangan ikhtisas dan kakitangan sokongan Perpustakaan dijemput hadir.



KURSUS PERKHIDMATAN BERKUALITI WILAYAH TIMUR

Zakaria Deraman dan Che Rahim Che Man dari Perpustakaan Perubatan telah mengikuti Kursus Perkhidmatan Kaunter Berkualiti pada 15-18 Ogos 1993 di Kampus INTAN Wilayah Timur, Kemaman, Terengganu.

BENGGEL TELEMAIL KUMPULAN SPP

Sebuah bengkel anjuran Perpustakaan Negara Malaysia dan Syarikat Telekom Malaysia Bhd tentang Telemail telah diadakan di Perpustakaan Negara Malaysia pada 19-20 Ogos 1993. Encik Ramli Abdul Samad dari Unit ILL telah dihantar untuk memperolehi kemahiran yang diperlukan kerana Perpustakaan Universiti Sains Malaysia telah memasang peranti Telemail dan melanggan perkhidmatan itu sejak Mei 1993.

Telemail secara ringkas adalah penyampaian maklumat melalui sistem elektronik yang dikendalikan oleh pihak Telekom. Maksudnya sesiapa yang mempunyai peranti telemail yang dipasang oleh pihak Syarikat Telekom Malaysia, boleh saja membuat perhubungan elektronik antara satu dengan lain. Kita boleh menghantar antaranya telefaks, teleks, dan mail kepada sesiapa yang bergabung dalam kelab Telemail. Beberapa perpustakaan telah menjadi ahli kepada kelab ini, dengan itu perhubungan boleh dijalankan bila-bila masa. Perkhidmatan telemail antara faedahnya ialah meningkatkan perhubungan antara satu institusi dengan institusi yang lain. Ia cepat dan efisien.

SEMINAR PUSTAKAWAN ITM KE-2

Rashidah Begum telah membentangkan kertas kerja bertajuk Kesan Aplikasi Teknologi Maklumat Dalam Perpustakaan: Pengalaman Perpustakaan USM di Seminar Pustakawan ITM ke-2 bertempat di Fraser Hill pada 23 Ogos 1993.

SEMINAR AKTA 331...

Akhiar Salleh telah menghadiri Seminar Akta 331/ISBN/ISSN/Kod Jalur/PDP pada 24 Ogos 1993 di Pusat Dagangan Dunia Putra, Kuala Lumpur. Seminar adalah anjuran Perpustakaan Negara Malaysia sempena Pesta Buku Antarabangsa Malaysia (22-29 Ogos 1993).

Berita ASTAKA

Majlis perpisahan/meraiakan kakitangan baru ASTAKA telah diadakan jamuan perpisahan untuk P. Valusamy yang bersara di samping meraiakan kakitangan baru Azizan Md Zain dan mengalu-alukan kedatangan pelatih dari ITM, Ruslina Abd. Majid dan Fatimahtun Zahrah Ramli. Majlis tersebut telah diadakan pada 16 Jun 1993.

SUKAN

ASTAKA telah mengadakan pertandingan Badminton Tertutup pada bulan Mei-Julai baru-baru ini. Berikut ialah keputusan pertandingan tersebut:

Perseorangan

Johan : Zainuddin Abdul Rahman
Naib Johan : Abdul Basher Abdullah
Ketiga : Noorazilan Noordin
S. Sivalingam

Bergu

Johan : Zainuddin Abdul Rahman
Ahmad Nasaruddin
Naib Johan : Goon Kuang Ok
Mustapha Ismail
Ketiga : Rashid Baba/Mazlan Nor dan
Krishnan/Che Mat Suid

Kejohanan POAPP, 24-25 Julai 1993
S. Munusamy acara 20 km Jalan Kaki - Emas
10 km Jalan Kaki - Perak

Kejohanan Kedah KAA, 6 Ogos 1993
S. Munusamy - 10 km Jalan Kaki - Perak

**Sukan MAKSAK Pulau Pinang,
20 Ogos 1993**

S. Munusamy - 10 km Jalan Kaki - Kedua
S. Munusamy telah dipilih mewakili Pulau Pinang ke Sukan MAKSAK Malaysia yang akan diadakan pada bulan September 1993 di Kuala Lumpur dalam acara 10 km Jalan Kaki.

Hal-Ehwal Kakitangan

Kelahiran

Selamat menimang cahaya mata

Borhan Yaman
Muhammad Asraf - Lelaki (10 Julai 1993)

Hassan Hashim
Ahmad Kamal - Lelaki (18 Ogos 1993)

Hashim Hassan
Siti Atiqah - Perempuan (15 Ogos 1993)

Bersara

Selamat menjalani hidup baru dan maju jaya

P. Valusamy (16 Jun 1993)

BERITA DARI KELANTAN

Kakitangan baru

Azmi Salleh, Mohd Sabri Abdul Samad
dan Nasrul Osman (2 Jun 1993)

Pertukaran

Azizan Md Zain
ke Perpustakaan Induk, Pulau Pinang

Personaliti



MARIAH BT YUSOF

Keramahan, celoteh dan kadang kala diselangi dengan hilai ketawa memecahkan kesunyian di bahagiannya. Sering juga terdengar dalam kesamaran suaranya, dendangan lagu-lagu popular kini. Sepintas lalu latar belakang personaliti kita mengisi ruang tamu kali ini.

Mariah bt. Yusof telah bertugas di Universiti ini lebih kurang 20 tahun yang lalu. Semasa ditemuramah, wataknya yang peramah dan diselangi dengan lucu jenaka memudahkan kita mengenali. Beliau yang lebih dikenali sebagai "Kak Maria" dilahirkan di Yan, Kedah. Merupakan anak ketiga dari lapan adik beradik. Orang Kedah noo.. pasukan "hijau kuning". Mungkin dari pasukan bola sepak semipro..nya yang menjadikan beliau menggemari warna kehijauan dicampurkan bunga kekuningan.

Telah berumahtangga pada tahun 1976, dengan Abdul Rahim bin Jamaluddin dan kini dikurniakan 5 orang anak, 3 lelaki dan 2 kembar perempuan. Sambil tersenyum beliau bercerita tentang anak kembarnya Nurhasnida dan Nurhasniza. Berbagai ragam mereka.

Tugas seorang ibu memang berat, ditambah pula dengan menjaga anak-anak. Namun Mariah masih berpeluang meluangkan masa mengisikan masa lapangnya dengan pelbagai kegiatan. Menonton TV, membawa anak-anak bersiar-siar dan membaca artikel berhubung dengan wanita, hal-ehwal semasa, gubahan dan resepi terkini. Mariah meminati semua ini kerana dapat memperluaskan ilmu dan memperlengkapkan diri sebagai seorang surirumahtangga.

Gerak tari dan lenggang lentuk Mariah sudah cukup untuk memahami kita, bahawa beliau memang hebat memasak. Hobinya memasak dan mencuba resepi baru, menjadikan Mariah salah seorang yang disegani di Perpustakaan ini. Kalau nak tau kehebatan kuih-muih dan masakannya, silalah berkunjung ke rumahnya... Di rumahnya pula tidak pelik jika kita temui pelbagai jenis gubahan terhias indah. Mariah mula meminati gubahan tangan ini hasil dari gamba gubahan yang indah tersiar di majalah, justeru itu sedikit demi sedikit dia cuba mengasah bakat di bidang ini pula.

Menyingkap sejarah pendidikan Mariah. Beliau mendapat pendidikan rendah di Sekolah Kebangsaan Yan Kecil, Kedah sehingga darjah enam. Melanjutkan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Yan sehingga tingkatan lima.

Bercerita tentang masakan memang menarik minatnya. Bagi Mariah semua masakan yang sedap, amat digemarinya, terutama gulai tempoyak. "Orang Kedah pun pandai makan gulai tempoyak tau.. tapi sekarang kak kena kawal sedikitlah makan tu", celahnya.

"Kak rasa bangga bertugas di institusi pengajian tinggi walaupun kak tak dapat menjadi seorang mahasiswa. Tugas di sini menyeronokkan kerana kakitangannya baik-baik belaka".

"Dalam kegawatan SSB ini, harapan kak Maria kepada pihak pentadbiran, agar dapat naik gaji menegak, kerana maklumlah tiada ruang lagi untuk kenaikan mendatar", ujarnya dengan ketawa yang tidak henti-henti.

Akhirnya, Mariah berdoa agar cita-citanya menjadi seorang *caterer* akan tercapai pada satu hari nanti. Semoga falsafah kehidupannya yang simple dan semangatnya yang suka tolong menolong akan berterusan.



MOHD SHAMSURI HJ JUSOH

Orangnya tampan lagi bergaya, ke mana saja pergi orang akan memanggilnya "YB". Gelaran yang diberikan oleh kawan-kawan dan sangat bersesuaian dengan cita-citanya ingin menjadi Wakil Rakyat. Sikapnya yang peramah dan sanggup berkorban apa saja, apatah lagi beliau sangat suka menolong orang, tidak kira masa walaupun hari menjelang tengah malam, menjadikan beliau seolah-olah Wakil Rakyat yang sebenarnya.

Beliau yang dimaksudkan tidak lain dan tidak bukan ialah Mohd Shamsuri Haji Jusoh. Berasal dari Guar Perahu, Bukit Mertajam. "YB" sudah berumah-tangga 4 tahun yang lalu dan telah mempunyai seorang puteri yang comel berusia setahun lebih bernama Ros Syazwani.

Beliau sentiasa sibuk dengan tugas hariannya. Kegiatan beliau dan politik menjadi pilihannya. Pada waktu pagi beliau akan berpeluh dengan menebas dan menyangkul, di kala malam nan syahdu, beliau gemar membaca kitab-kitab untuk menambah ilmu di dada.

Beliau memegang berbagai-bagai jawatan, di antaranya ialah Ahli Jawatankuasa Bahagian UMNO Permatang Pauh, Ahli Jawatankuasa Biro Pendidikan, Ahli Jawatankuasa Perpustakaan Desa, Ahli Jawatankuasa JKPP dan Ahli Jemaah Tadbir Sekolah Menengah Penanti.

Bila ditanya bagaimana beliau boleh mendapat gelaran "YB", beliau terus ketawa besar dan katanya "boleh dikatakan tugas-tugas Wakil Rakyat sama seperti apa yang saya lakukan sekarang ini. Sebab itulah kawan-kawan memanggil saya "YB" dan saya senang dengan panggilan tersebut".

"YB" mula mendapat pendidikan awal di Sekolah Kebangsaan Guar Perahu (1967-1972) dan Sekolah Menengah Penanti. Sebelum ini sekolah tersebut dikenali sebagai Sekolah Menengah Kubang Semang. Seterusnya beliau memasuki Maktab PGAS untuk belajar dalam tingkatan enam tetapi sayangnya beliau tidak dapat menghabiskan pelajarannya kerana terpaksa membantu keluarga dan menerima tawaran bekerja dengan Projek Inspire di USM sebagai Pembantu Penyelidik dari tahun 1982-1985. Pada 15 Ogos 1985 beliau menyertai Perpustakaan USM.

"YB" sangat suka berkhidmat di Perpustakaan kerana semua kakitangan Perpustakaan baik-baik belaka, suka tolong-menolong bagaikan sebuah keluarga yang besar. Mengenai makanan "YB" tidak cerewet. "Tetapi yang paling istimewa ialah masakan gulai ikan pelotan", katanya sambil menelan air liur.

Sebagai seorang kakitangan Perpustakaan, beliau suka mengesyorkan agar diwujudkan unit Perhubungan Awam atau PRO. Ini disebabkan Perpustakaan yang canggih ini sentiasa menerima pelawat yang begitu ramai terutamanya pada musim cuti persekolahan. Sekurang-kurangnya unit PRO ini dapat memberi penerangan dan penjelasan yang berkesan dan memuaskan.

Di akhirnya beliau memohon ribuan ampun dan maaf kepada sesiapa sahaja andainya tingkah laku beliau selama ini tidak menyenangkan atau menyinggung kawan-kawan dan itu semua adalah gurauan sahaja.

Terima kasih kepada "YB" kerana kesudian beliau memenuhi ruangan Personaliti kali ini. Semoga apa yang dicita-citakanya akan mendapat kejayaan.

Sumber Ilham

Mona Fandey

Manusia;

menjadi mangsa pemujaanmu

Organ-organ mereka, adalah.....

Nadi ilmu kebatinan hitammu

Antara ringgit yang kau kejarkan

Fikiranmu telah dinodai

janji-janji syaitan

Aku menangis atas kesesatanmu

Norma-norma keislaman

pudar di hatimu

Doaku, semoga Allah

mengampuni dosamu

Engkau sujudlah memohon taubat

*Ya Rahman, tunjukkanlah ia ke jalan
yang benar*

Zeey

Coretan Penerbit

Mengawal Panas Baran

Sering kali kita mendengar perbuatan seperti: "Si anu itu rupa saja cantik, tetapi apakah kecantikan dan paras rupa boleh dijadikan ukuran dalam memilih kawan atau teman hidup? Sebenarnya tidak dalam semua keadaan kecantikan dan paras rupa mendapat tempat atau dipandang orang?"

Bagi sesetengah orang, paras rupa mungkin tidak begitu penting. Sebaliknya, tingkah laku yang diperlihatkan menjadi ukuran.

Peribadi yang menyenangkan akan meninggikan maruah seseorang dan memberikan keyakinan kepada orang lain bergaul dengan kita tanpa sebarang prasangka.

Untuk dilihat lebih menyenangkan, tidak bererti mengenakan pakaian mahal yang menarik atau dandanan rambut mengikut fesyen saja. Sebaliknya anda hendaklah memakai yang sesuai dengan diri dan sesuaikan warna serta gaya yang diminati itu.

Gerakan, air muka dan gaya keseluruhan tubuh penting dalam memperlihatkan gambaran diri kepada orang lain. Tingkah laku itu menunjukkan gambaran lebih jelas daripada kita bercakap. Jadi cubalah mengukir senyuman di wajah anda daripadamemperlihatkan wajah muram, tetapi bukanlah sentiasa tersenyum dalam sebarang keadaan.

• Kikis tabiat pemaarah

Sekiranya anda bersikap pemaarah, suka bercakap cuma sehari kemudian menjadi pendiam dan suka marah pada hari berikutnya, anda hendaklah berusaha menukar perangai buruk itu. Dalam setiap keadaan tunjukkan sikap sederhana dan bersahaja kepada semua orang. Anda hendaklah berpendirian tetap supaya orang lain boleh bergantung harap kepada anda.

Sifat panas baran menghalang anda tertawa dan berasa riang yang membentuk kebahagiaan hidup. Umpamanya, perangai buruk anda itu bukan sahaja merosakkan tali persahabatan yang terjalin bertahun-tahun dengan rakan-rakan anda, tetapi akan dipenuhi kehinaan diri. Ini akan merendahkan maruah diri dan membantut perjalanan kesihatan mental serta kehidupan yang baik.

Sekiranya anda panas baran sepanjang hayat maka untuk menghapuskan tabiat buruk itu mungkin sukar pada mulanya. Tetapi ini bukan tanggungjawab yang mustahil dilaksanakan. Sebagai

permulaan, ukirkan senyuman daripada bermasam muka. Kesan yang akan diterima mungkin mengejutkan anda kerana mendapati diri anda lebih mampu menyesuaikan diri dengan kehidupan yang menyenangkan serta membahagiakan.

Jadi sebelum perangai itu mempengaruhi dan memusnahkan setiap aspek kehidupan anda, berusahalah mengikisnya.

• Membina hidup

Pendekatan yang membina terhadap kehidupan juga memerlukan satu tenaga, tindakan dan semangat. Bercakaplah dengan penuh minat dan bertindak cergas supaya manusia melihat anda begitu bertenaga, ada tujuan hidup dan bertekadlah untuk meneruskannya dengan penuh semangat.

Hanya apabila anda merasa begitu bersemangat dan hidup barulah anda dapat melaksanakan tanggungjawab dengan lebih baik dan mencapai sesuatu matlamat dengan cemerlang. Di samping itu, orang



lain akan menunjukkan reaksi untuk menambahkan kemesraan dan seterusnya menghormati anda.

• Bersopan santun

Meluahkan ucapan ringkas bagi memohon sesuatu seperti "tolong" dan "terima kasih" mungkin tidak penting terhadap mereka yang sering dalam keadaan sibuk. Tetapi perkataan itu amat bermakna untuk mengembirakan orang lain manakala reaksi daripada orang lain juga akan mengembirakan anda.

Lebih baik jadi seorang pendengar daripada menjadi orang yang suka bercakap. Lebih baik mendengar apa yang hendak dikatakan oleh seseorang itu daripada anda mencelah di tengah-tengah percakapannya. Bersopan-santunlah dan hulurkan pertolongan bila diperlukan.

* Perbaiki sikap

Ramah tamah dan kasih sayang adalah sikap yang boleh melahirkan kebahagiaan bukan sahaja kepada diri anda tetapi juga kepada mereka yang anda dekati. Amalkan keikhlasan bukan saja dalam soal wang ringgit tetapi termasuk masa dan pandangan anda.

Tunjukkan minat anda terhadap cita-cita, kesenangan dan kekecewaan orang lain termasuk amalkan sikap suka menolong serta simpati. Semakin banyak kita berusaha untuk membahagikan orang lain, semakin banyak pula kebahagiaan yang dinikmati oleh diri kita sendiri.

Mereka yang mengamalkan sikap mementingkan diri sendiri pada setiap masa adalah sungguh mendukacitakan dan manusia yang paling banyak menghadapi masalah dan sering berusaha mencari jawapan kepada kekecewaan mereka itu.

Lebih baik berfikiran positif terhadap sikap seseorang daripada mencurigai motifnya. Hendaklah sentiasa bersedia beramah tamah dengan sesiapa

saja dan bersikap terbuka. Ini adalah jalan keluar ke satu dunia maklumat yang akan memperkayakan kehidupan anda.

* Jaga tutur kata

Timbulnya perselisihan dan kekeliruan dengan mudahnya adalah disebabkan reaksi marah yang tidak disengajakan, berseloroh serta menyinggung sesuatu perkara yang sepatutnya dilupakan.

Anda perlu mengawal tutur kata anda bagi mengelak daripada mengecam seseorang serta sebaiknya bertuturlah dengan baik dan memperlihatkan kesefahaman. Apabila kata-kata terus terang dikehendaki maka berterus teranglah, tanpa diselitkan perasaan marah. Berikan peluang kepada seseorang untuk memohon maaf di atas sebarang kesalahan yang dilakukannya. Kemudian maafkan dan lupakan kesalahannya dalam erti kata persahabatan yang sejati.

(Dipetik dan diubah suai daripada majalah *Jelita*)

APA YANG PERLU ANDA TAHU

oleh AWISMAIL

Tahukah anda bahawa dalam masa sebulan purata jumlah buku yang mesti disusun di rak oleh PAR adalah di dalam lingkungan 114,610. Manakala jumlah hari bekerja adalah selama 5¹/₂ hari seminggu atau 22 hari sebulan. Di Perpustakaan USM, terdapat seramai 18 orang PAR yang terlibat menyusun buku di rak terbuka setiap hari. Mengikut perkiraan, setiap hari sebanyak 5,210 buah buku harus disusun semula di atas rak, ini bermakna setiap seorang PAR dikehendaki menyusun sebanyak 290 buah buku sehari. Seorang PAR bekerja selama 6¹/₂ jam atau 420 minit sehari. Ini bermakna mereka perlu mengambil masa satu minit untuk menyusun satu buku tanpa mengira masa untuk menjalankan tugas lain seperti meletak buku di atas troli, sorting, menolak troli dari satu tingkat ke tingkat yang lain.



PERKHIDMATAN TEEMAIL

oleh Hajjah Salmah Mohd. Noor

Perkhidmatan Teemail merupakan satu teknologi elektronik yang meningkatkan komunikasi antara banyak pihak di dalam atau di luar negara. Melalui komunikasi secara elektronik ini, kita boleh berhubung secara terus dengan menggunakan fungsi mail elektronik ataupun mengirim faks dan telex. Perkhidmatan Teemail memberi jalan yang lebih mudah dan ringkas untuk berkomunikasi dibandingkan dengan perkhidmatan konvensional. Surat, memorandum, laporan dan berbagai-bagai jenis data dapat dihantar segera dan serentak kepada seseorang individu atau ramai. Kemampuan perkhidmatan yang sedemikianlah memberi berbagai-bagai faedah kepada Perpustakaan, mencari maklumat dan rujuk merujuk antara Perpustakaan. Untuk mendapat khidmat ini Perpustakaan membayar harga langganan sebanyak RM50.00 setahun.

JADILAH IBARAT LEBAH

oleh Idris Ali

Sesungguhnya diri dan hidup kita terlalu istimewa untuk disia-siakan. Renungkanlah wajah kita yang indah sempurna di cermin. Mengapakah diri kita yang ayu kerap kali dilambung derita? Mengapakah diri kita yang segak sasa, kadang-kadang menangis sedu-sedan.

Lebah adalah di antara makhluk Allah yang banyak memberi manfaat, kenikmatan, iktibar dan contoh terhadap rahsia dan liku-liku kehidupan manusia.

Tahukah anda bahawa betapa tulennya keriang dan kebahagiaan hidup lebah. Punca keriang dan kebahagiaan lebah adalah dari tabii yang bersefahaman, bekerjasama dan mempunyai satu tujuan. Lebah yang lemah memberi manfaat yang amat banyak bukan sahaja kepada kumpulannya malahan kepada manusia. Madunya yang mempunyai khasiat kepada kehidupan manusia

adalah ubat yang mujarab sebagai rahmat dan nikmat.

Rahsia kejadian hidup lebah dan kunci wujudnya semangat setiakawan di kalangan lebah adalah kerana mereka mempunyai matlamat dan sasaran hidup yang jelas dan serius. Mereka berkeyakinan, berani, berdisiplin dan sabar di dalam melaksanakan matlamat hidup mereka. Perhatikan bagaimana lebah-lebah itu bekerja secara berkumpulan, bersendirian tetapi penuh jiwa kesetiakawanan. Mereka keluar bekerja dengan satu tujuan yang utama, iaitu mendapatkan manis bunga sebanyak yang mungkin. Mereka tidak menyeleweng dan mengkhianati amanah yang diberikan. Mereka tidak menjadi gunting dalam lipatan, tidak belot dan tidak memusnahkan kawan sendiri. Mereka tidak mementingkan diri sendiri, tidak tamak dan tidak pula terlalu bakhil sesama sendiri.

Jadi, adalah tidak munasabah jika kita dan diri kita langsung tidak mendatangkan faedah dan kegunaan kepada diri sendiri dan orang lain, sedangkan kita lebih kuat, berakal dan lebih aktif daripada lebah.

Warisan Budaya

